



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

## KENYATAAN MEDIA ISU FILEM “MENTEGA TERBANG”

---

1. Lembaga Penapis Filem (LPF), Kementerian Dalam Negeri (KDN) melaksanakan tugas berdasarkan kepada Akta Penapisan Filem 2002 [Akta 620] yang menetapkan fungsi penapisan filem dan bahan publisiti filem yang disiarkan, dipamerkan, disebarluaskan, ditayangkan atau diedarkan secara fizikal (konvensional) kepada masyarakat umum di Malaysia, **kecuali melalui internet.**
2. Di dalam mengeluarkan sesuatu keputusan ke atas penapisan kandungan filem dan bahan publisiti filem, LPF akan meneliti dan memberikan perhatian khusus berpandukan kepada Garis Panduan Penapisan Filem KDN 2010 yang merangkumi aspek-aspek seperti berikut:
  - i. Keselamatan dan Ketenteraman Awam;
  - ii. Keagamaan;
  - iii. Sosiobudaya; dan
  - iv. Ketertiban dan Ketatasusilaan.
3. LPF mengambil maklum akan isu yang berbangkit bagi filem bertajuk “Mentega Terbang” yang telah mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat umum di Malaysia setelah ulasan awam bagi filem ini tular di dalam media sosial pada masa kini. Berdasarkan semakan, didapati bahawa filem tersebut tiada dalam rekod penapisan LPF. Filem ini juga didapati ditayangkan secara dalam talian (melalui platform internet). Oleh yang demikian, tayangan atau penstriman filem “Mentega Terbang” ini adalah di luar bidang kuasa LPF.

4. Walau bagaimanapun, LPF sentiasa peka dan komited dalam memastikan unsur-unsur negatif termasuk elemen yang bertentangan dengan akidah dalam filem dapat dicegah daripada disiarkan, dipamerkan, disebarluaskan, ditayangkan atau diedarkan secara konvensional kepada masyarakat umum di Malaysia.
5. LPF kini sedang meneliti semua aspek berkaitan secara menyeluruh sebelum tindakan selanjutnya diambil berhubung dengan filem “Mentega Terbang”.
6. Sehubungan itu, memandangkan tiada kelulusan LPF yang dikeluarkan ke atas filem “Mentega Terbang” untuk tujuan tayangan umum, sekiranya masyarakat awam mendapati filem tersebut ditayangkan secara konvensional di mana-mana premis, aduan boleh disalurkan kepada Pejabat Penapisan Filem, KDN melalui e-mel [ppf@moha.gov.my](mailto:ppf@moha.gov.my) atau Sistem Pengurusan Aduan Awam KDN di pautan <https://moha.spab.gov.my/eApps/system/index.do>.

**LEMBAGA PENAPIS FILEM  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**3 MAC 2023**

---

Untuk maklumat lanjut mengenai kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat di talian 03 – 8880 0812 / 0807.